




JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

18 JUN 2026 (KHAMIS)

Dua Pekerja Maut dirempuh Lori Ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	13	18 Jun



ANGGOTA polis menjalankan siasatan di lokasi kemalangan yang mengakibatkan dua pekerja penyelenggaraan maut di Kilometer 49.3, Lebuhraya Utara-Selatan, Kulai semalam.

Dua pekerja maut dirempuh lori ayam

- **Kemalangan melibatkan tiga buah kenderaan**
- **Mangsa cedera parah di kepala akibat nahas**

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING

KULAI – Dua pekerja maut selepas dirempuh sebuah lori membawa muatan ayam ketika sedang melakukan kerja-kerja penyelenggaraan di Kilometer 49.3, Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan dekat sini semalam.

Kemalangan pada pukul 2 pagi itu menyebabkan kedua-dua mangsa yang menaiki sebuah lori

Propel mengalami kecederaan parah pada bahagian kepala sebelum disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian.

Ketua Polis Daerah Kulai, Asisten Komisioner Tan Seng Lee berkata, siasatan awal mendapati kemalangan melibatkan tiga buah kenderaan iaitu sebuah lori tangki, lori Propel dan sebuah lori yang membawa muatan ayam.

Katanya, lori tangki dipandu pemandu berusia 31 tahun bersama lori Propel dipandu lelaki tempatan berusia 43 tahun dan kelindannya warga Bangladesh berusia 56 tahun sedang melakukan kerja-kerja penyelenggaraan di bahu kiri lebuh raya.

"Tiba-tiba sebuah lori membawa muatan ayam dipandu le-

laki berusia 40 tahun bersama kelindannya berusia 23 tahun merempuh bahagian belakang sebelah kanan lori Propel.

"Akibat pelanggaran itu, pemandu lori Propel dan kelindannya mengalami kecederaan parah di bahagian kepala dan disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Seng Lee, pemandu dan kelindan lori ayam turut cedera dan menerima rawatan di Hospital Kulai, manakala pemandu lori tangki pula tidak cedera.

Tambah beliau, polis kini menjalankan siasatan lanjut bagi mengenal pasti punca sebenar kemalangan di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Penternak Khinzir Kecil Bakal Terima Bantuan Makanan Ternakan			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sabah	Dalam Talian	17 Jun



JAMAWI

TENOM: Kerajaan Negeri akan memperkenalkan bantuan sekali beri (one-off) dalam bentuk bekalan makanan kepada penternak khinzir berskala kecil di Sabah bagi membantu mengurangkan kos operasi dan meningkatkan pengeluaran ternakan.

Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Datuk Jamawi Jaafar berkata, bantuan itu akan disalurkan kepada penternak yang memelihara 50 ekor khinzir dan

ke bawah.

“Langkah ini dilaksanakan selepas kerajaan mendapati industri ternakan khinzir sebelum ini kurang mendapat perhatian berbanding sektor ternakan lain.

“Sebelum ini tidak pernah kita bagi bantuan kepada penternak khinzir kecil-kecilan, kita bantu lembu, kambing, ayam dan ikan, tetapi industri ini terlepas pandang,” katanya.

Jamawi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melalap berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah sudah diarahkan menyediakan peruntukan khas bagi melaksanakan bantuan berkenaan dalam tempoh terdekat.

“Kita akan cuba usahakan supaya mereka juga mendapat bantuan daripada kerajaan dalam bentuk makanan ternakan.

“Bantuan ini penting memandangkan harga produk berasaskan khinzir seperti sinalau bakas semakin meningkat dan membebankan pengguna.

“Kita tahu sekarang ramai orang mengeluh kerana harga sinalau bakas sudah mencecah kira-kira RM47 sekilogram,” katanya.

Menurutnya, kenaikan harga turut dipengaruhi kekurangan bekalan selepas kawalan pemburuan khinzir liar dilaksanakan sejak dua tahun lalu susulan ancaman penyakit haiwan.

Katanya, kerajaan negeri masih mengekalkan larangan pemburuan khinzir liar bagi memastikan populasi haiwan itu kembali pulih.

“Dalam usaha memenuhi permintaan pasaran, kerajaan sudah membenarkan enam syarikat mengimport daging khinzir dari luar negara dan antara negara sumber import termasuk Denmark serta Norway.

“Setiap pengimport dibenarkan membawa masuk dua kontena dan secara keseluruhannya kira-kira 10 kontena akan masuk setiap bulan bagi memenuhi keperluan tempatan,” katanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan kerajaan tetap komited mempertahankan industri ternakan khinzir tempatan melalui pelbagai bentuk bantuan termasuk bantuan makanan kepada penternak kecil.

Katanya, usaha berkenaan penting bagi memastikan bekalan daging khinzir tempatan kekal stabil selain meningkatkan daya saing industri ternakan di negeri ini.

“Mudah-mudahan apabila populasi khinzir liar semakin meningkat, kita akan dapat membuka semula aktiviti pemburuan secara terkawal,

manakala industri ternakan tempatan
terus berkembang,” katanya.-

[UTUSANBORNEO](#)

Penternak Khinzir Kecil Bakal Terima Bantuan Makanan Ternakan			
Media	Ruangan	Muka Surat	Tarikh
Sabah Media	Utama	Dalam Talian	17 Jun



Jamawi merakamkan gambar kenangan bersama semua tetamu yang hadir pada majlis itu.

TENOM: Kerajaan Negeri akan memperkenalkan bantuan sekali beri (one-off) dalam bentuk bekalan makanan ternakan kepada penternak khinzir berskala kecil di Sabah bagi membantu mengurangkan kos operasi serta meningkatkan pengeluaran ternakan.

Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Datuk Jamawi Jaafar, berkata bantuan itu akan disalurkan kepada penternak yang memelihara 50 ekor khinzir dan

ke bawah.

Menurut beliau, langkah berkenaan diambil selepas kerajaan mendapati industri ternakan khinzir sebelum ini kurang menerima perhatian berbanding sektor ternakan lain.

“Sebelum ini tidak pernah kita memberi bantuan kepada penternak khinzir kecil-kecilan. Kita bantu penternak lembu, kambing, ayam dan pengusaha akuakultur, tetapi industri ini terlepas

pandang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas menghadiri sambutan Pesta Kaamatan dan Hari Guru di SM St Anthony di sini, pada Selasa.

Jamawi berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah telah diarahkan menyediakan peruntukan khas bagi melaksanakan bantuan tersebut dalam masa terdekat.

“Kita akan usahakan supaya mereka juga menerima bantuan daripada kerajaan dalam bentuk makanan ternakan,” katanya.

Menurut beliau, bantuan itu penting memandangkan harga produk berasaskan khinzir seperti sinalau bakas semakin meningkat sehingga membebankan pengguna.

“Kita tahu sekarang ramai yang mengeluh kerana harga sinalau bakas telah mencecah kira-kira RM47 sekilogram,” katanya.

Jamawi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melalap berkata, kenaikan harga itu turut dipengaruhi kekurangan bekalan selepas kawalan terhadap pemburuan khinzir liar dilaksanakan

sejak dua tahun lalu berikutan ancaman penyakit haiwan.

Katanya, kerajaan masih mengekalkan larangan pemburuan khinzir liar bagi memastikan populasi haiwan berkenaan dapat dipulihkan.

Dalam usaha memenuhi permintaan pasaran, beliau berkata kerajaan turut membenarkan enam syarikat mengimport daging khinzir dari luar negara.

Menurutnya, antara negara sumber import ialah Denmark dan Norway.

“Setiap pengimport dibenarkan membawa masuk dua kontena dan secara keseluruhannya kira-kira 10 kontena akan masuk setiap bulan bagi memenuhi keperluan tempatan,” katanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan kerajaan tetap komited mempertahankan industri ternakan khinzir tempatan melalui pelbagai bentuk bantuan, termasuk bekalan makanan kepada penternak berskala kecil.

“Mudah-mudahan apabila populasi khinzir liar semakin meningkat, kita dapat membuka semula aktiviti

pemburuan secara terkawal,
manakala industri ternakan tempatan
terus berkembang,” katanya.-

[SABAHMEDIA](#)

Peneroka FELDA Rugi Lebih RM6,000 Lembu Dibaham Harimau			
Media	Ruangan	Muka Surat	Tarikh
The Malaysian Press	Berita	Dalam Talian	16 Jun



Photo: The Malaysia Press

KUANTAN – Seorang peneroka FELDA mengalami kerugian lebih RM6,000 selepas enam ekor lembu miliknya ditemukan mati dipercayai dibaham harimau di Ladang Sungai Mok, Rompin pada 13 Jun lalu.

Ketua Polis Daerah Rompin, Superintenden Sharif Shai Sharif Mondoi berkata, kejadian disedari lelaki berusia 60 tahun itu ketika melakukan pemantauan di ladang itu pada jam 8 pagi.

Katanya, enam lembu jenis baka

Brahman itu ditemukan mati dengan kesan gigitan di leher haiwan terbabit.

“Peneroka mengesyaki lembu itu dibaham harimau kerana terdapat kesan tapak kaki dipercayai haiwan terbabit. Kejadian ini berlaku tiga hari berturut-turut sehingga semalam.

“Jumlah kerugian dianggarkan berjumlah RM6,300,” katanya, seperti dilapor ***Berita Harian***.

Beliau berkata, peneroka itu kemudiannya membuat laporan di Balai Polis Kuala Rompin untuk tindakan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.-

[THEMALAYSIAPRESS](#)

Enam Lembu Dibaham Harimau, Peneroka FELDA Rugi Lebih RM6,000			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Kes	Dalam Talian	16 Jun



Lembu ditemukan telah mati ketika pemiliknya membuat pemantauan di Ladang Sungai Mok./ IPD Rompin

ROMPIN, 16 Jun – Seorang peneroka FELDA di Felda Sungai Mok mengalami kerugian lebih RM6,000 selepas enam ekor lembunya ditemukan mati dipercayai dibaham harimau di Ladang Sungai Mok, Rompin pada Sabtu lalu.

Menurut kenyataan Ketua Polis Daerah Rompin, Superintenden Sharif Shai Sharif Mondo, kejadian disedari lelaki berusia 60 tahun itu ketika melakukan pemantauan di ladang tersebut pada pukul 8 pagi.

“Enam ekor lembu jenis baka Brahman ditemukan mati dengan kesan gigitan di leher haiwan terbabit.

“Peneroka mengesyaki lembu ternakannya itu dibaham harimau kerana terdapat kesan tapak kaki dipercayai haiwan terbabit. Kejadian ini sudah berlaku tiga hari berturut-turut sehingga semalam.

“Jumlah kerugian dianggarkan berjumlah RM6,300,” menurut

kenyataan itu hari ini.

Beliau berkata, peneroka itu kemudiannya membuat laporan di Balai Polis Kuala Rompin untuk tindakan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.-[BERITARTM](#)

Enam Lembu Mati dibaham Harimau			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Pahang	Dalam Talian	16 Jun



Lembu ditemukan mati dipercayai akibat serangan harimau di Ladang Sungai Mok dekat sini dalam kejadian yang berlaku sejak Jumaat lalu. Foto Polis Rompin

ROMPIN - Enam ekor lembu milik seorang peneroka Felda ditemukan mati dipercayai akibat serangan harimau di Ladang Sungai Mok dekat sini dalam kejadian yang berlaku sejak Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Rompin, Superintenden Sharif Shai Sharif Mondoi berkata, pemilik ternakan berusia 60 tahun itu menemui bangkai haiwan berkenaan ketika melakukan pemeriksaan di kawasan

ladang kira-kira jam 8 pagi pada 13 Jun lalu.

Menurutnya, hasil pemerhatian mendapati terdapat kesan gigitan pada bahagian leher enam lembu baka Brahman terdiri daripada lima betina dan seekor jantan.

“Pemilik ternakan turut menemui kesan tapak kaki yang dipercayai milik harimau di lokasi kejadian.

“Kejadian dipercayai berlaku secara

berperingkat dari 13 hingga 15 Jun lalu,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, pengadu membuat laporan di Balai Polis Kuala Rompin bagi membolehkan siasatan dan tindakan lanjut dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Jelasnya, kerugian akibat kejadian itu dianggarkan berjumlah RM6,300.-

[SINARHARIAN](#)

6 Lembu Milik Peneroka dipercayai dibaham Harimau

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Dalam Talian	16 Jun



FOTO: NSTP

KUANTAN: Seorang peneroka FELDA mengalami kerugian selepas enam ekor lembunya ditemukan mati dipercayai dibaham seekor harimau di Ladang Sungai Mok, Rompin pada 13 Jun lalu.

Ketua Polis Daerah Rompin, Superintenden Sharif Shai Sharif Mondoi, berkata kejadian disedari lelaki berusia 60 tahun itu ketika melakukan pemantauan di ladang itu pada jam 8 pagi.

Katanya, enam lembu jenis baka

Brahman itu ditemukan mati dengan kesan gigitan di leher haiwan terbabit.

“Peneroka mengesyaki lembu itu dibaham harimau kerana terdapat kesan tapak kaki dipercayai haiwan terbabit. Kejadian ini berlaku tiga hari berturut-turut sehingga semalam.

“Jumlah kerugian dianggarkan berjumlah RM6,300,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, peneroka itu kemudiannya membuat laporan di Balai Polis Kuala Rompin untuk tindakan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.-[BULETINTV3](#)

Fragmented Farm Practices Are Putting Malaysia's Poultry Supply At Risk			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Avi News	News	Dalam Talian	16 Jun




Photo: aviNews

A supply chain more fragile than it looks

Chicken is Malaysia's most consumed and most affordable animal protein — and its supply is under more pressure than most consumers realize. The country's chicken [self-sufficiency level dropped from 100.2% in 2021 to 90.2% in 2023](#), according to the Malaysia Productivity Corporation's Agro-Food Productivity Nexus.

The 2022 chicken shortage, which

forced a government export ban and saw retail prices double in some markets, was a preview of what happens when production systems fail to keep pace with the complexity of modern disease management, climate change, and biosecurity demands.

Experts across veterinary science, diagnostics, and farm management are increasingly aligned on one point: the way Malaysia's poultry sector, particularly its small and medium operators, currently

manages disease, heat stress, and housing is not built for the environment it now operates in.

Vaccines are only as good as their application

Viral respiratory diseases remain the leading threat to flock viability. Pathogens including infectious bronchitis virus (IBV), Newcastle disease virus (NDV), and avian influenza (particularly low pathogenic avian influenza, or LPAI) are in continuous genetic evolution, regularly outpacing existing vaccine formulations and producing complex mixed infections that are difficult to diagnose and treat.

Critically, specialists point out that vaccine selection is only part of the problem, while application timing and program design are where most interventions fail. In Newcastle disease outbreaks affecting flocks of 20,000 to 30,000 birds, waiting for visible clinical symptoms before initiating a vaccination response is already too late. Structured vaccination programs built into each production cycle from the outset are not best practice, they are the baseline requirement for flock survival.

This has direct regulatory implications. Malaysia's Department of Veterinary Services (DVS) biosecurity framework and the national [AMR Action Plan 2022–2026](#) both emphasize the link between delayed or incorrect disease response and the broader crisis of antimicrobial resistance, a problem that moves from farm to food chain to human health.

Wrong culture, wrong diagnosis, wrong treatment

Diagnostic accuracy is another area where gaps in field knowledge are creating systemic risk. A fundamental principle in veterinary microbiology, that results depend entirely on which culture medium, temperature, and atmospheric conditions are used, is not universally understood or applied at the farm. Knowing what, when, and how to sample for targeted pathogen paired with suitable testing methods is key for pathogen identification.

Inappropriate and excessive use of antimicrobials without a proper bacteriological diagnosis and antibiogram directly drives antimicrobial resistance (AMR). *Mycoplasma*, one of the most

common bacterial contributors to chronic respiratory disease in poultry, does not grow on standard blood agar. It requires specific selective media, microaerophilic incubation conditions, and up to 10 days before colonies are visible. Using the wrong culture produces a false negative. A false negative leads to an incorrect treatment. Repeated misuse of antibiotics across a population of farms accelerates resistance, a trajectory with consequences well beyond the production cycle.

Correct diagnosis also depends on systematic field assessment before samples reach the lab: reading mortality trends, lesion patterns at necropsy, and production history to build a picture that guides the right laboratory request.

The heat problem humans cannot detect

Thermal management is perhaps the most underestimated operational risk in Malaysian poultry production. [Unlike humans, birds have no sweat glands](#). Their only mechanism for heat dissipation is respiratory, and by the time a flock is visibly distressed, with birds panting open-mouthed and necks lowered,

immune suppression, reduced feed conversion, and elevated mortality are already underway.

Infrared thermal imaging of poultry houses reveals what the human eye cannot: dangerous heat gradients concentrated at bird level, invisible to farm workers assessing comfort by their own perception of temperature.

Cooling pads, widely used across Malaysian farms, are not sufficient as a standalone solution. Effective climate control in tropical conditions requires a combination of heat removal, moisture management, airspeed regulation, and windchill effect, elements that only a properly designed ventilation system delivers.

A small miscalculation in ventilation rate or airflow direction is not an inefficiency. In acute heat conditions, it can be the cause of total flock loss. This finding bears directly on Malaysia's ongoing regulatory push toward closed-house farming systems. [Perak has mandated full transition by January 2027](#).

Resistance among small and medium operators, citing capital costs and doubts about closed-house efficiency in tropical climates, remains

significant. The technical evidence, however, increasingly supports the policy direction.

Knowledge as infrastructure

The gap between what is known in veterinary and farm management science and what is practiced at the farm level remains wide. Bridging it requires sustained, structured knowledge transfer. This must extend not only to the veterinarians and specialists who already operate within advanced technical frameworks, but also directly to the farm managers, nutritionists, and husbandry technicians whose daily operational decisions determine whether a flock survives a severe disease challenge or an intense heat wave.

For an industry that feeds millions and operates on margins that leave little room for recoverable error, investment in that knowledge transfer is not optional. It is, by any measure, a non-negotiable food security investment.-[AVINEWS](#)

Sabah To Give One-off Animal Feed Aid To Small-scale Pig Farmers, Says State Minister			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Sabah & Sarawak	Dalam Talian	17 Jun

KOTA KINABALU: The Sabah government will give a one-off animal feed supply assistance for small-scale pig farmers in the state to help reduce their operating costs and increase livestock production.

Sabah Agriculture, Fisheries and Food Industry Minister Datuk Jamawi Jaafar said the aid will be given to farmers rearing less than 50 pigs.

“Previously, we never provided assistance to small-scale pig farmers. We helped cattle, goats, chickens, and fish farmers, but this industry was always overlooked,” he said.

The Sabah Department of Veterinary Services has been instructed to prepare a special allocation to implement the feed assistance soon, he said.

“We will try to ensure that they also receive assistance from the government in the form of animal feed,” Jamawi said.

He noted that the aid is important given that the price of pig-based products such as the popular sinalau bakas (smoked meat) has risen sharply and burdened consumers.

“We know that many people are complaining now because the price of sinalau bakas (smoked meat) has reached about RM47 per kilogram,” he said in Sabah’s interior Tenom.

Jamawi, who is also the Melalap assemblyman, added that the increased price of pork was also due to the reduced supply of wild boar following the hunting ban imposed two years ago.

He said the state government continues to maintain the ban on wild boar hunting to allow the animal population to recover following the previous outbreak of swine fever that affected its population in the wild.

To meet market demand, he said

the government has allowed six companies to import pork from abroad including from Denmark and Norway.

“Each importer is allowed to bring in two containers, and in total about 10 containers will arrive each month to meet local needs,” he added.-

[THESTAR](#)

6 Lembu Mati Dipercayai Dibaham Harimau, Peneroka Rugi Lebih RM6,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	17 Jun



GAMBAR hiasan

Kuantan: Peneroka Felda rugi lebih RM6,000 selepas enam ekor lembunya ditemukan mati dipercayai dibaham harimau di Ladang Sungai Mok, Rompin bermula 13 Jun lalu hingga semalam.

Ketua Polis Daerah Rompin, Superintenden Sharif Shai Sharif Mondoi berkata, kejadian disedari lelaki berusia 60 tahun itu ketika melakukan pemantauan di ladang pada 8 pagi.

Katanya, enam lembu jenis baka

Brahman itu ditemukan mati dengan kesan gigitan di leher.

"Peneroka mengesyaki lembunya dibaham harimau kerana terdapat kesan tapak kaki dipercayai haiwan terbabit. Kejadian ini berlaku tiga hari berturut-turut sehingga semalam.

"Jumlah kerugian dianggarkan berjumlah RM6,300," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, peneroka itu

kemudiannya membuat laporan di Balai Polis Kuala Rompin untuk tindakan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.-[MYMETRO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR